

23 Oktober 2018 (Selasa)

KFC tumpu kawasan komersial, perumahan

KLUANG 22 Okt. - Pengendali rantaian restoran makanan segera KFC, QSR Brands (M) Holdings Bhd. (QSR Brands) memberi tumpuan lebih kepada pembinaan restoran KFC pandu lalu terutamanya di kawasan komersial dan perumahan yang sedang meningkat maju.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Mohamed Azahari Mohamed Kamil berkata, pihaknya juga akan lebih menumpukan kepada pembinaan restoran dilengkapi kaunter pandu lalu yang kini menjadi pilihan pelanggan.

"Sasaran tersebut ditetapkan selepas QSR Brands berjaya membuka 23 cawangan pada tahun ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 704 restoran itu telah beroperasi di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian dan pecah tanah restoran KFC pandu lalu pertama di daerah ini yang dibangunkan di Bandar Seri Impian, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts Holding Bhd. (Matrix Con-

wai Eksekutif Pembangunan Hartanah Matrix Concepts, Leong Jee Van.

Mengulas mengenai pembinaan KFC di Bandar Seri Impian, ujar Mohamed Azahari, QSR Brands bersetuju untuk menjalin kerjasama kedua bersama-sama Matrix Concepts selepas pelancaran restoran KFC ke-700 hasil usaha sama mereka di Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Katanya, kerjasama strategik bersama pemaju-pemaju terkemuka merupakan sebahagian langkah penting dalam strategi perkembangan restoran QSR Brands kerana merupakan komponen pertumbuhan utama yang terbukti dapat memberi manfaat jangka panjang kepada syarikat.

Restoran KFC Bandar Seri Impian yang dibina di atas tanah berkeluasan 0.35 hektar dijangka siap menjelang akhir tahun depan dan mampu menampung kira-kira 150 pelanggan pada satu-satu masa.

Pembangunan itu merupakan satu daripada 182 unit komersial selain memiliki kira-kira 4,800 kediaman yang berpotensi menjadi hab komersial terbaharu di